


POLISI KLINIK STAF HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU

1. Klinik Staf memberi kemudahan rawatan hanya untuk anggota HSAJB Sahaja.
2. Klinik Staf beroperasi di Tingkat 1, Bangunan Poliklinik Hospital Sultanah Aminah bersebelahan dengan Unit Kejururawatan.
3. Kad pengenalan diri dan tag nama hospital perlu ada untuk pendaftaran di Kaunter Setempat (K10/11).
4. Waktu operasi Klinik Staf adalah seperti berikut:
Hari : Ahad- Khamis (kecuali cuti am/ khas)
Waktu pendaftaran : Jam 8.00 pagi - 9.30 pagi
5. Pendaftaran kes terakhir untuk mendapat rawatan hendaklah 15 minit sebelum tempoh klinik berakhir.
6. Klinik Staf ini hanya merawat **kes-kes bukan kecemasan**.
7. Pesakit yang mempunyai kriteria tersebut di bawah dinasihatkan terus ke Jabatan Kecemasan:
 - a. Sakit dada
 - b. Sesak nafas
 - c. Bacaan tekanan darah yang tinggi (Sistolik ≥ 160 mmHg dan Diastolik ≥ 100 mmHg)
 - d. Perdarahan (Per oral/ Per vaginal / per rectal)
 - e. Sakit kepala yang teruk
 - f. *Pre- syncopal attack/ Transient ischemic attack*
 - g. Strok atau kelemahan anggota badan
 - h. Berdebar- debar (*palpitation*)
 - i. Mengandung
 - j. Kesakitan dengan *pain score* ≥ 4
 - k. Kes-kes medikolegal (contohnya: kes kekerasan terhadap anggota)
 - l. Kes-kes kecemasan lain-lain yang memerlukan rawatan serta-merta
8. Pesakit dengan gejala *Influenza-like illness* (demam, batuk atau selesema) dinasihatkan menjalani ujian swab Covid-19 sendiri atau di cabin HSA terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan pegawai perubatan di Klinik Staf. Hanya swab dengan **keputusan negatif** sahaja dibenarkan mendapatkan rawatan di Klinik Staf.
9. Pesakit akan dirujuk ke Klinik Pakar sekiranya perlu.
10. Anggota yang menghidap penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan hiperkolesterolemia yang mendapat rawatan susulan di Klinik Pakar atau Klinik Pesakit Luar di Jalan Mahmoodiah perlu mendapat rawatan dan ubatan di tempat biasa, manakala anggota yang mendapat rawatan susulan di Klinik Sejahtera dikehendaki hadir mengikut waktu operasi Klinik Sejahtera seperti ditetapkan berikut:
Hari : Ahad (kes ulangan) & Isnin (kes baru)
Waktu : Jam 1030pagi- 4 petang


DR. REDZUAN BIN AB HAMID
No. Pendaftaran Penuh MP 112225
Timbalan Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Aminah